


Kunjungan Hormat Naib Canselor Pertama Kepada Ketua Menteri Sabah



TERIMA KASIH... Naib Canselor pertama UMS, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman (kanan) menerima cenderahati daripada Datuk Musa Hj. Aman, Ketua Menteri Sabah.

Naib Canselor pertama Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman telah mengadakan satu kunjungan hormat terhadap Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Musa Hj. Aman, di kediaman rasmi beliau di Sri Gaya, Kota Kinabalu, pada 11 Mac 2005.

Isteri Tan Sri Naib Canselor, Puan Seri Datuk Seri Panglima Hjh. Jamilah Sudin, dan isteri Datuk Musa, YABhg. Datin Hjh. Faridah Tusin, turut serta dalam perjumpaan tersebut.



KENANGAN ABADI... Naib Canselor pertama UMS, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman (kiri) dan Datuk Musa Hj. Aman (kanan), Puan Sri Hajah Jamilah Sudin (dua kiri) serta Datin Hjh. Faridah Tusin bergambar untuk kenangan.

Beberapa perkara telah dibincangkan dalam kunjungan hormat tersebut, di antaranya kerjasama yang telah dijalin di antara Kerajaan Negeri Sabah dan UMS.

Kunjungan hormat itu telah diadakan sempena persaraan Tan Sri pada 17 Mac 2005.